



Kemunduran sosioekonomi dan penyisihan sosial komuniti Bumiputera di Bandaraya Kuching: Kajian kes di Kampung Kudei Baru dan Kampung Sinar Budi Baru Batu Kawa

Kiky Kirina Abdillah¹, Junaenah Sulehan²

¹Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, ²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Kiky Kirina Abdillah (email: akkirina@fss.unimas.my)

Abstrak

Sejauhmanakah kemunduran sosioekonomi yang berlaku dipengaruhi oleh penyisihan sosial? Teori Involusi Urban dan Teori Budaya Kemiskinan menawarkan asas teritis bagi membincangkan perubahan dalam masyarakat akibat perbandaran dan hubungkaitnya dengan masalah kemunduran dalam masyarakat. Pendekatan Keupayaan pula merupakan instrumen analitikal bagi menganalisis realiti sosial yang menyebabkan berlaku kemunduran sosioekonomi dalam kalangan komuniti kajian. Kajian ini cuba menjawab persoalan sejauhmanakah kemunduran sosioekonomi yang berlaku dipengaruhi oleh penyisihan sosial dalam kalangan komuniti Bumiputera di Bandaraya Kuching. Seramai 75 orang ketua isi rumah daripada 251 buah rumah dari Kampung Kudei Baru dan Kampung Sinar Budi Baru Batu Kawa ditemuselidik dan mereka ini. Hasil kajian mendapati faktor dalaman, luaran dan penyertaan secara terpaksa sebagai sebab utama kemiskinan. Penyisihan sosial berlaku dalam bentuk masalah ketersampaian kepada sistem bantuan dan sokongan khusus bagi golongan berpendapatan rendah. Kesimpulannya, kajian mendapati masalah kemunduran sosioekonomi dalam kalangan komuniti Bumiputera di Bandaraya Kuching berpunca daripada pelbagai sebab dan aspek penyisihan sosial adalah salah satu daripadanya. Oleh yang demikian, penekanan terhadap aspek penyisihan sosial adalah perlu bagi meningkatkan keupayaan komuniti Bumiputera untuk terlibat secara penuh dalam proses pembangunan sekaligus mengurangkan risiko mereka tersisih daripada perubahan sosioekonomi di Bandaraya Kuching.

Katakunci: kemunduran sosioekonomi, komuniti Bumiputera, penyisihan sosial, perbandaran, teori budaya kemiskinan, teori involusi urban

Socio-economic under-development and social exclusion in Kuching: A case study of Kampung Kudei Baru and Kampung Sinar Budi Baru Batu Kawa

Abstract

To what extent does social exclusion affect the socio-economic underdevelopment of a community? Urban Involution Theory and the Culture of Poverty Theory provide a theoretical framework for analysing underdevelopment issues brought about by social change, while Capability Approach provides an analytical tool to analyze the linkages between social reality and underdevelopment of a community. This study examined social exclusion factors that underpinned the underdevelopment of a Bumiputra community in Kuching. Primary data were gathered from field interviews of 75 household heads of the 251 households of Kampung Kudei Baru and Kampung Sinar Budi Baru Batu Kawa. The findings revealed that internal and external factors, including those of forced participation of the people had conspired to produce social exclusion of the Bumiputra community as

manifested by their problematic accessibility to the support system. In conclusion, several factors contributed to the community's under-development and social exclusion was one of them. This points to the imperative of addressing the social exclusion aspects of any future remedial policy, strategy and practices at individual, community and government levels in order to enhance the community's capacity to participate fully in Kuching's development process.

Keywords: Bumiputera community, culture of poverty, socio-economic underdevelopment, social exclusion, urbanization, urban involution theory

Pendahuluan

Proses perbandaran di Malaysia adalah pesat dan dalam jangka masa di antara tahun 1960 sehingga 1980, pola penghijrahan dan kesannya ke atas bandar-bandar serta struktur kependudukan telah memperlihatkan satu tren tertentu (Johari Mat, 1985). Sepanjang tempoh sepuluh tahun iaitu di antara tahun 1990 sehingga 2000, jumlah penduduk bandar di Malaysia telah meningkat daripada 51.1 peratus kepada 61.8 peratus. Menjelang tahun 2020 pula, dijangkakan lebih 70 peratus penduduk Malaysia akan mendiami kawasan bandar di seluruh negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2002). Meskipun urbanisasi bergerak dalam kapasiti pertumbuhan ekonomi yang semakin meningkat dan stabil, tidak dapat dinafikan bahawa ia juga antara penyebab timbulnya masalah ketaksamaan agihan pembangunan dan sumber dalam kalangan kelas-kelas sosial yang berbeza dalam masyarakat (UNFPA, 2007). Antara kesan yang paling nyata adalah masalah kemunduran sosioekonomi segelintir kelompok masyarakat di bandar.

Meskipun pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri Sarawak bagi tempoh 2001-2010 mencatatkan kadar yang tinggi iaitu sebanyak 6.1 peratus dan berada belakang empat buah negeri termaju di Malaysia iaitu Selangor (6.4%), Kuala Lumpur (6.1%), Pulau Pinang (6.1%) dan Johor (6.2%), namun dari segi Indeks Komposit Pembangunan (ekonomi dan sosial), Sarawak masih jauh ketinggalan di kedudukan kesebelas, diikuti oleh tiga buah negeri yang paling kurang membangun di Malaysia iaitu, Terengganu, Kelantan dan Sabah (RMK9). Dari segi agihan pendapatan, jumlah pendapatan purata bulanan kaum Bumiputera bandar di Sarawak hanya berjumlah sebanyak RM 2778 berbanding kaum Cina yang mencatatkan pendapatan sebanyak RM 4678 sebulan. Ketaksamaan agihan pendapatan memberi kesan terhadap kesejahteraan hidup masyarakat. Pendapatan yang rendah akan mengurangkan kuasa beli di pasaran yang melibatkan pelbagai jenis keperluan tidak kira samada keperluan asas mahupun perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang lain. Keadaan ini sekaligus akan menjejaskan kesejahteraan hidup segelintir komuniti dan menyebabkan mereka hidup dalam kemunduran berbanding komuniti lain.

Perbandaran di Sarawak dan kemunduran komuniti bandar di Bandaraya Kuching

Selama tempoh dua dekad, prestasi pembangunan negeri Sarawak adalah pesat dengan pertumbuhan purata 8.3 peratus setahun bagi tempoh 1981-1990. Namun begitu kadarnya berkurang kepada 5.8 peratus bagi tempoh pra-krisis kewangan, antara tahun 1991 sehingga tahun 1998. Pertambahan penduduk bandar di Sarawak berlaku secara mendadak sejak 1980. Dalam tempoh 1980-1991, penduduk bandaraya tumbuh pada kadar 9.3 peratus setahun, sementara peratusan keseluruhan penduduk yang mendiami bandar-bandar di Sarawak mencapai 37.5 peratus pada tahun 1991. Pada tahun 1995, kadar urbanisasi di Sarawak meningkat kepada 43.4 peratus dan seterusnya mencapai kadar 48 peratus pada tahun 2000 (Abdul Halim Ali, 2010). Menjelang tahun 2020, jumlah penduduk bandar di Sarawak dijangka meningkat kepada 58.9 peratus iaitu bersamaan dengan 3.2 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2002). Pertambahan jumlah yang besar dan cepat tempohnya berlaku disebabkan oleh proses migrasi dan pendefinisian semula kawasan bandar.

Kajian mengenai *Internal Migration Study Sarawak* oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (1997) mendapati, migrasi yang paling kerap berlaku adalah dalam bentuk *intra-migration* iaitu migrasi dari

daerah-daerah kecil di luar bandar ke bandar-bandar utama di seluruh negeri Sarawak. Kadar migrasi penduduk negeri Sarawak ke negeri-negeri lain (*outmigration*) ke Semenanjung Malaysia dan Sabah adalah agak rendah bagi tempoh tahun 1985-1991 yang hanya melibatkan kira-kira 2.1 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk negeri Sarawak. Namun jumlah penduduk yang bermigrasi secara *intra-migration* adalah yang tertinggi di seluruh negara iaitu sebanyak 10.7 peratus bagi tempoh yang sama (Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997; Julaihi Wahid et al., 2003; Abdul Halim Ali, 2010). Kadar urbanisasi di Sarawak juga meningkat disebabkan oleh tindakan pentadbiran yangewartakan kawasan-kawasan yang dahulunya desa sebagai sebahagian daripada kawasan bandar. Hal ini terpancar dalam pendefinisian semula kawasan bandar dalam Banci Penduduk 1991. Menurut Banci Penduduk 1991, jumlah keseluruhan kawasan bandar-bandar utama di negeri Sarawak telah bertambah dari empat buah pada tahun 1980 kepada tujuh buah pada tahun 1991 (Universiti Kebangsaan Malaysia 1997). Menjelang tahun 2000 sehingga sekarang, terdapat sembilan buah bandar secara keseluruhannya di negeri Sarawak (Buku Tahunan Perangkaan Sarawak, 2011).

Meskipun pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri Sarawak bagi tempoh 2001-2010 mencatatkan kadar yang tinggi iaitu sebanyak 6.1 peratus dan berada belakang empat buah negeri termaju di Malaysia iaitu Selangor (6.4%), Kuala Lumpur (6.1%), Pulau Pinang (6.1%) dan Johor (6.2%), namun dari segi Indeks Komposit Pembangunan (ekonomi dan sosial), Sarawak masih jauh ketinggalan di kedudukan kesebelas, diikuti oleh tiga buah negeri yang paling kurang membangun di Malaysia iaitu, Terengganu, Kelantan dan Sabah (RMK9). Dari segi agihan pendapatan, jumlah pendapatan purata bulanan kaum Bumiputera bandar di Sarawak hanya berjumlah sebanyak RM 2778 berbanding kaum Cina yang mencatatkan pendapatan sebanyak RM 4678 sebulan. Ketaksamaan agihan pendapatan memberi kesan terhadap kualiti hidup di bandar. Pendapatan yang rendah akan mengurangkan kuasa beli di pasaran yang melibatkan pelbagai jenis keperluan tidak kira samada keperluan asas mahupun perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang lain. Keadaan ini sekaligus akan menjejaskan kualiti hidup segelintir komuniti dan menyebabkan mereka hidup dalam kemunduran berbanding komuniti lain.

Menurut Laporan Kualiti Bandar Hidup Malaysia (2002), indeks penawaran perumahan dalam kalangan penduduk di Bandaraya Kuching telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.6 mata disebabkan peningkatan kedua-dua nisbah sewa dan nisbah harga purata rumah kepada pendapatan isi rumah. Dari segi penyertaan masyarakat dalam aktiviti organisasi dan politik pula, purata keahlian Rukun Tetangga di kalangan penduduk di bandaraya Kuching mencatatkan peningkatan iaitu daripada 98.6 ahli setiap seribu penduduk pada tahun 1990 kepada 1112.2 ahli pada tahun 2000. Namun begitu, bilangan pertubuhan sukarela yang berdaftar di Bandaraya Kuching telah mencatatkan penurunan dari 1884 buah pada tahun 1990 kepada 1708 buah pada tahun 2000 dan yang lebih membimbangkan, kadar pengundi berdaftar setiap seribu penduduk di Bandaraya Kuching mencatatkan penurunan yang sangat besar iaitu dari seramai 786 orang pada tahun 1990 kepada hanya kira-kira 357.6 orang pada tahun 2000. Kekurangan kemudahan perumahan mampu milik serta tahap penglibatan yang rendah dalam aktiviti politik, sosial dan kemasyarakatan menjadi antara punca penyebab berlakunya masalah kemunduran dalam kalangan segelintir anggota masyarakat. Justeru itu, menerusi laporan agihan pendapatan di dalam RMK9 dan dengan menggunakan dua petunjuk kualiti hidup bandar di atas sebagai contoh, secara relatifnya diandaikan bahawa kualiti hidup penduduk di Bandaraya Kuching masih belum berada pada tahap yang memuaskan. Masih wujud pelbagai masalah melibatkan perihal ketersampaian, penyertaan dan peluang di kalangan segelintir anggota masyarakat untuk terlibat secara penuh ke dalam aspek ekonomi, politik dan sosial yang menjadi antara punca mereka hidup dalam keadaan mundur di bandar.

Permasalahan kajian

Di Malaysia, konsep penyisihan sosial menjadi satu isu yang penting sejak berlakunya krisis terbesar dalam sejarah negara iaitu peristiwa 13 Mei 1969. Rentetan dari peristiwa ini menyaksikan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 dilakukan bagi menstruktur semula ekonomi agar pertumbuhannya tidak lagi menghasilkan ketidaksamaan agihan pendapatan antara etnik. Namun begitu,

istilah penyisihan sosial seringkali digunakan secara tidak tepat seolah-olah ia memberi pengertian yang sama dengan kemiskinan. Konsep penyisihan sosial yang sebenar menjangkau lebih dari sekadar halangan ekonomi semata-mata namun turut melibatkan pelbagai aspek sosial seperti ketersampaian kepada keperluan asas hidup, ketersampaian kepada perkhidmatan kemudahan awam dan juga penyertaan masyarakat dalam pembuatan keputusan secara demokratik. Oleh yang demikian, penyisihan sosial juga dilihat sebagai antara punca atau asas penting menyebabkan berlakunya peminggiran dan seterusnya masalah kemunduran sosioekonomi dalam kalangan segelintir anggota dalam masyarakat.

Sistem demokrasi yang diamalkan di kebanyakan negara termasuk Malaysia meletakkan 'penyertaan' sebagai syarat untuk mendapatkan peluang bersaing bagi mencapai kemajuan dan pembangunan. Sesiapa yang tidak berada dalam kelompok 'menyertai' kumpulan masyarakat yang lain secara sendirinya akan tersisih dan terpinggir dari menikmati pelbagai kemudahan yang dapat meningkatkan taraf hidup. Di sinilah letaknya peranan aspek ketersampaian (*accessibilities*), penyertaan (*participations*) dan peluang (*opportunities*) sebagai medium yang membolehkan setiap individu atau kumpulan dalam masyarakat untuk turut sama berkongsi nikmat pembangunan terutama dari segi memenuhi keperluan asas bagi mengelakkan mereka terjerumus dalam kehidupan yang penuh dengan kemunduran. Namun secara realiti, masih wujud segelintir kelompok yang tersisih dari menikmati faedah pembangunan sebagaimana yang dinikmati oleh kelompok yang lain. Sebagai contoh, meskipun Bandaraya Kuching membangun dengan pesat, namun melalui laporan-laporan awam, komuniti Bumiputera masih berterusan menjadi antara yang termundur (Institut Pembangunan Sarawak 2003). Oleh yang demikian, kajian ini ingin menjawab persoalan kajian yang utama iaitu, sejauhmanakah penyisihan sosial mempengaruhi kesejahteraan hidup komuniti Bumiputera di kedua-dua buah kampung di Bandaraya Kuching ini? Mengapakah fenomena ini berlaku dan apakah implikasinya terhadap kehidupan komuniti Bumiputera yang dikaji?


Objektif kajian

Berdasarkan perbincangan permasalahan kajian, kajian ini bertujuan:

- i. Mengenalpasti faktor-faktor yang mencetuskan kemunduran sosioekonomi dalam kalangan komuniti Bumiputera di Bandaraya Kuching.
- ii. Menganalisis aspek dan faktor-faktor penyisihan sosial komuniti Bumiputera di Bandaraya Kuching.


Latar kawasan kajian

Kampung Kudei Baru pada asalnya merupakan sebuah perkampungan setinggan yang dibina oleh penduduk luar yang bermigrasi ke Bandaraya Kuching sekitar tahun 1970-an dengan tujuan untuk mencari pekerjaan. Ia dahulunya merupakan sebuah tapak tanah kosong yang terletak di hujung Jalan Nanas Barat berdekatan kawasan Satok dan mempunyai jarak hanya kira-kira 5 km dari pusat Bandaraya Kuching. Kebanyakan penduduk yang mendiami penempatan tersebut pada awalnya terdiri daripada kaum Melayu yang berasal dari kawasan-kawasan seperti Asajaya, Simunjan, Tebekang, Sebuyau selain penduduk tempatan Bandaraya Kuching yang ingin membina rumah sendiri. Sekitar tahun 1980-an, komposisi etnik di kampung tersebut mulai berubah dengan kemasukan masyarakat Iban yang berhijrah dari kawasan seperti Simunjan dan Serian dengan tujuan yang sama iaitu untuk mencari pekerjaan. Sehingga kini, jumlah penduduk yang menetap di kampung tersebut adalah seramai 2780 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Iban, Bidayuh, Orang Ulu dan juga kaum Cina.



Peta 1. Lokasi Kampung Kudei Baru, Kuching

Kampung ini dibina di atas tanah seluas 10 ekar di sepanjang Sungai Sarawak dan terletak di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU). Sebagai sebuah perkampungan yang terletak di tengah-tengah Bandaraya Kuching, penduduk Kampung Kudei Baru tidak terkecuali dari terlibat dengan pelbagai isu dan permasalahan akibat pembangunan yang pesat di kawasan sekitarnya. Meskipun terletak berhampiran dengan kawasan bandar, namun keadaan hidup penduduk di kampung ini secara relatifnya masih mundur. Antara isu-isu yang membelenggu penduduk adalah masalah penempatan setinggan, isu hak milik tanah, ketiadaan kemudahan bekalan asas seperti air dan elektrik di sesetengah kediaman, krisis pengangguran dan pendapatan yang secara relatifnya rendah serta penularan masalah-masalah sosial



Peta 2. Lokasi Kampung Sinar Budi Baru Batu Kawa, Kuching

seperti pergaduhan, penyalahgunaan dadah, kecurian dan pergaulan bebas. Selain itu, kedudukan kampung yang terletak berhampiran pinggir sungai diburukkan lagi dengan masalah ketiadaan perkhidmatan penyelenggaraan sistem saliran yang sempurna menyebabkan ia kerap dilanda masalah banjir terutama ketika musim hujan. Bagi tujuan kajian ini, seramai 75 orang ketua isi rumah ditemuselidik dan mereka ini mewakili 251 buah rumah secara keseluruhan yang terdapat di Kampung Kudei Baru.

Kampung Sinar Budi Baru adalah sebuah perkampungan yang dibina di bawah Skim Penempatan Semula Batu Kawa dan terletak berdekatan kawasan perumahan Taman Desa Wira, Batu Kawa, Kuching. Ia berjarak lebih kurang 10 km dari pusat bandaraya dan terletak di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Padawan (MPP). Perkampungan ini dibina bagi menempatkan semula penduduk Kampung Batu Kawa Lama, sebuah perkampungan setinggian yang terpaksa dirobuhkan oleh kerajaan bagi memberi laluan kepada projek pembinaan Jambatan Batu Kawa pada tahun 1994. Kebanyakan penduduk terdiri daripada masyarakat luar bandar yang bermigrasi ke Bandaraya Kuching sekitar awal tahun 1970-an dengan tujuan untuk mencari pekerjaan. Mereka berasal dari daerah-daerah seperti Bau, Gedong, Simunjan, Sebuyau, Sri Aman dan sebagainya. Sehingga kini, jumlah penduduk yang mendiami penempatan ini adalah seramai kira-kira 320 orang yang terdiri daripada kaum Melayu, Iban dan juga Bidayuh.

Sepertimana masalah yang melanda penduduk di Kampung Kudei Baru, penduduk kampung ini juga tidak terkecuali dari menerima nasib yang sama. Pembangunan pesat yang berlaku di sekitar kawasan akibat pembukaan jalan bagi mendekatkan jarak di antara bandar Batu Kawa dengan pusat Bandaraya Kuching tidak memberikan banyak faedah kepada mereka sebaliknya telah sedikit sebanyak menjejaskan mutu kehidupan mereka berbanding keadaan sebelumnya. Antara masalah yang dihadapi penduduk adalah seperti peningkatan kos sara hidup, kekurangan pendapatan atau gaji yang rendah, isu hak milik tanah, ketiadaan kemudahan asas rumah, masalah setinggian, ketidaksampaian kepada bantuan daripada badan-badan kerajaan dan badan bukan kerajaan selain masalah sosial dan jenayah yang berleluasa di kawasan penempatan penduduk. Secara kesimpulannya, isu-isu yang telah dinyatakan diandaikan menjadi petunjuk wujudnya masalah kemunduran sosioekonomi dalam kalangan segelintir masyarakat di Bandaraya Kuching. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan akan membuat penelitian ke atas permasalahan ini dengan memfokuskan isu penyisihan sosial bagi mencari hubungkaitnya dengan kemunduran sosioekonomi yang dialami oleh komuniti Bumiputera di kedua-dua kawasan kajian.

Faktor-faktor yang mencetuskan kemunduran

Kajian mendapati, kemunduran sosioekonomi yang berlaku dalam kalangan komuniti Bumiputera di Bandaraya Kuching berpunca dari tiga faktor iaitu faktor dalaman, faktor luaran dan penyertaan secara terpaksa (*unfavourable inclusion*). Tahap pendidikan yang rendah merupakan salah satu ciri yang seringkali dikaitkan dan berlaku secara meluas dalam kalangan golongan berpendapatan rendah. Hubungkait di antara tahap pendidikan dengan jenis pekerjaan atau pendapatan yang diperoleh adalah sangat rapat. Hal ini kerana, pendidikan yang tinggi atau memiliki kemahiran tertentu memberi peluang lebih besar kepada seseorang individu untuk mendapatkan pekerjaan yang memberikan pendapatan yang tinggi. Kajian mendapati, majoriti responden iaitu sebanyak 39.4 peratus mempunyai tahap pendidikan yang rendah iaitu hanya setakat menamatkan pengajian di peringkat sekolah rendah. Oleh yang demikian, rata-rata daripada mereka hanya mampu mendapatkan pekerjaan yang menawarkan gaji yang secara relatifnya rendah.

Analisis terhadap status perkahwinan mendapati, kebanyakan keluarga yang diketuai oleh golongan wanita berstatus ibu tunggal merupakan antara yang paling banyak mengalami kemunduran sosioekonomi. Sebanyak 27.3 peratus daripada golongan ibu tunggal ini menerima pendapatan di antara RM 601-800, 54.5 peratus menerima pendapatan di antara RM 401-600 dan 18.2 peratus menerima pendapatan di bawah RM 400 sebulan. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan Nor Aini & Ishak (2003) di lima buah bandar di Semenanjung Malaysia di mana mereka

mendapati, wanita yang menjadi ketua isi rumah merupakan antara kelompok yang membentuk fenomena kemiskinan di bandar.

Salah satu jenis harta yang merupakan keperluan asas paling utama setiap keluarga adalah rumah. Namun, isu perumahan merupakan permasalahan utama yang dihadapi kebanyakan responden di kedua-dua kawasan kajian. Meskipun 80.9 peratus responden menyatakan mereka memiliki rumah yang didiami, namun 67 peratus daripada mereka masih belum memiliki surat hak milik ke atas tanah yang diduduki. Selain itu, bagi penduduk di Skim Penempatan Semula Kampung Sinar Budi Baru, tapak tanah di mana rumah-rumah mereka dibina masih berstatus lesen pendudukan sementara (TOL). Ini menyebabkan prospek harta penduduk dari segi tanah sebagai aset tidak menentu kerana secara undang-undang, kediaman serta tapak tanah di kawasan tersebut masih menjadi milik kerajaan. Oleh yang demikian, penduduk berasa sangat terancam dengan risiko diusir pada bila-bila masa sekiranya kerajaan negeri berhasrat untuk memberikan tapak tanah tersebut kepada pihak lain bagi tujuan menjalankan projek pembangunan.

Seperti yang kita sedia maklum, tanah merupakan salah satu sumber pengeluaran yang utama. Kekurangan atau ketiadaan pemilikan ke atas tanah menyebabkan komuniti yang dikaji terlepas peluang mendapatkan faedah ekonomi berasaskan tanah. Ini kerana, pelaburan ke atas tanah bukan sahaja berpotensi mendatangkan keuntungan, tetapi juga sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kos sara hidup di bandar. Kajian mendapati, faktor ketiadaan pemilikan ke atas tanah juga menyebabkan komuniti kajian tersisih dari mendapat kemudahan kredit atau pinjaman modal dari institusi kewangan. Hal ini kerana, untuk mendapat kemudahan kredit atau pinjaman dari institusi kewangan, selain penjamin, cagaran diperlukan terutamanya, tanah. Justeru itu, ketiadaan aset dalam bentuk kredit dan tanah terutamanya menyebabkan golongan ini tersisih dari mendapat peluang menjana aktiviti ekonomi yang lebih menguntungkan. Hal ini menyebabkan berlakunya peminggiran dari segi penyertaan dan peluang untuk menceburi aktiviti ekonomi di bandar sekaligus menjadi punca berlaku halangan keupayaan dalam meningkatkan taraf sosiekonomi diri dan keluarga.

Kajian turut mendapati, meskipun rata-rata responden merupakan penerima bantuan dari agensi kerajaan dan bukan kerajaan, namun permasalahan yang lebih utama menyebabkan fenomena kemunduran terus berlaku dalam kalangan komuniti Bumiputera adalah penerapan ciri-ciri nilai budaya miskin dalam kehidupan seharian mereka. Salah satu ciri nilai budaya miskin yang dapat dilihat dalam kajian ini adalah tidak mempunyai perancangan masa depan terutamanya yang melibatkan pendidikan anak-anak. Sebagai contoh, melalui temubual bersama salah seorang responden wanita yang mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah, beliau menyatakan akibat kesempitan wang, beliau dan suami terpaksa menggunakan wang bantuan pendidikan yang disalurkan di bawah skim KWAMP bagi menampung perbelanjaan keluarga. Kurangnya sikap tanggungjawab dan amanah dalam menguruskan wang bantuan bagi tujuan penting seperti pendidikan boleh menyebabkan pendidikan anak-anak terjejas. Dan yang lebih buruk, meskipun dari segi peluang dan pencapaian keupayaan terbuka luas bagi anak-anak dari golongan ini untuk memajukan diri dalam bidang pendidikan, namun sikap tidak bertanggungjawab segelintir ibu-bapa menyebabkan anak-anak hilang semangat untuk meneruskan cita-cita. Kesannya, anak-anak akan terus-menerus mempunyai aspirasi yang rendah sekaligus mewarisi kemunduran daripada ibu bapa mereka.

Selain itu, ciri nilai budaya miskin yang kedua adalah sikap kebergantungan terhadap bantuan. Kesemua responden yang ditemu soal menyatakan mereka sangat bergantung kepada bantuan dari pihak kerajaan dan bukan kerajaan untuk meneruskan kehidupan di bandar. Mereka bukan sahaja berharap agar bantuan sedia ada diteruskan malah menginginkan tambahan pelbagai jenis bantuan lain di masa hadapan. Majoriti penerima bantuan iaitu sebanyak 29.9 peratus juga didapati lebih cenderung meminta bantuan dalam bentuk kebendaan (kewangan) berbanding bantuan bukan kebendaan seperti pekerjaan (13.8%) dan latihan kemahiran (8.5%) yang lebih signifikan bagi tujuan pembangunan komuniti dalam jangka masa panjang. Budaya kebergantungan terhadap bantuan kebendaan terutama dalam bentuk kewangan merupakan salah satu ciri budaya miskin yang sering membelenggu pemikiran dan dimanifestasikan ke dalam kehidupan golongan berpendapatan rendah. Kebanyakan daripada mereka tidak melihat

kepentingan pembangunan manusia yang melatih individu untuk berdikari sebaliknya terus-menerus mengharap bantuan kewangan yang hanya memberikan faedah jangka masa pendek.

Dari aspek penglibatan dalam rundingan berkenaan isu status hak milik tanah pula, hanya sebanyak 39.4 peratus responden terlibat manakala 45.7 peratus pula tidak berbuat demikian. Kajian mendapati dorongan dan tahap kesedaran untuk terlibat dalam kalangan penduduk masih rendah meskipun mereka telah diberi peluang dan ruang yang secukupnya. Sekiranya sesuatu keputusan yang dibuat tidak memihak atau memenuhi kehendak mereka, mereka cenderung untuk menyalahkan pihak lain tanpa memikirkan sebab berlakunya keadaan tersebut adalah akibat dari kealpaan diri mereka sendiri. Segelintir daripada responden yang ditemubual menyatakan, perasaan rendah diri serta berserah kepada nasib menjadi antara punca mereka tidak terlibat dalam sebarang proses rundingan yang diadakan. Selain itu, pemikiran mereka juga dibelenggu oleh tanggapan bahawa golongan berpendapatan rendah seperti mereka tidak akan mampu memberi apa-apa pengaruh terhadap sebarang pembuatan keputusan oleh pihak kerajaan.

Namun begitu, kajian mendapati bukan semua halangan keupayaan yang mencetuskan kemiskinan dan kemunduran dalam kalangan golongan berpendapatan rendah berpunca akibat penyesihan sosial semata-mata namun turut berlaku disebabkan oleh penyertaan secara terpaksa sesetengah individu ke dalam suatu keadaan yang berada di luar kawalannya. Misalnya, elemen penyertaan secara terpaksa yang berpunca daripada dasar pembangunan negeri yang memperuntukkan perlaksanaan projek-projek pembangunan di atas atau berdekatan tapak penempatan penduduk di kedua-dua kawasan kajian. Sepertimana menurut kajian Narayan & Katiman (2012), penduduk asal sesuatu kawasan yang terlibat dalam projek pembangunan bandar baru lazimnya akan berdepan dengan pelbagai risioko samada secara langsung atau tidak langsung. Risiko-risiko ini melibatkan perkara-perkara seperti gangguan kepada gaya dan cara kehidupan asal, gangguan kepada sumber pengeluaran serta gangguan jaringan sosial yang menjadi punca kepada kemiskinan penduduk marginal dan seterusnya mewujudkan rasa keterpinggiran dalam diri mereka. Sebagai contoh, Kampung Kudei Baru misalnya merupakan sebuah tapak tanah kerajaan yang belum diusahakan semasa penduduk mula-mula membina penempatan sekitar tahun 1970-an. Kedudukan tapak kampung yang terletak berdekatan kawasan Satok, yang merupakan sebahagian daripada kawasan pusat Bandaraya Kuching pada masa kini menyebabkan ia terperangkap dalam pembangunan pesat kawasan sekitar. Kedudukannya yang strategik dan terletak dikawasan yang dikategorikan sebagai '*prime land*' telah menyebabkan kawasan sekitarnya giat dimajukan dengan pelbagai projek pembangunan. Perbandaran yang pesat menyebabkan corak sosioekonomi setempat berubah sekaligus menyebabkan kos sara hidup penduduk meningkat.

Hal yang sama turut menimpa penduduk di Kampung Sinar Budi Baru, Batu Kawa. Mereka merupakan penduduk Kampung Batu Kawa Lama yang terpaksa dipindahkan ke suatu penempatan baru bagi memberi laluan pelaksanaan projek kerajaan pada masa tersebut iaitu pembinaan Jambatan Batu Kawa-Matang. Namun, pembangunan yang pesat di Bandaraya Kuching telah menyebabkan kerajaan terpaksa membuka tanah-tanah baru bagi memenuhi permintaan pasaran. Kawasan Batu Kawa yang dahulunya terletak jauh di pinggir bandar kini mendapat akses yang mudah ke pusat bandaraya melalui pembukaan jalan-jalan baru seperti Jalan Batu Kawa-Matang dan Jalan Stephen Yong selain jalan sedia ada seperti Jalan Batu Kawa dan Jalan Dato Amar Kalong Ningkan. Projek pembangunan di kawasan Batu Kawa telah dipergiatkan lagi dengan pembukaan Bandar Baru Batu Kawa (MJC) yang terletak hanya kira-kira 4 kilometer dari kawasan penempatan penduduk Kampung Sinar Budi Baru. Bandar baru ini menempatkan pusat-pusat komersil, pejabat-pejabat kerajaan, institusi perbankan serta kawasan perumahan baru sekaligus telah menaikkan nilai komersil hartanah di kawasan Batu Kawa. Pembangunan pesat di bandar Batu Kawa secara tidak langsung telah menyebabkan penduduk kampung di sekitarnya kini terperangkap dalam persekitaran bandar dan terpaksa beradaptasi dengan corak sosioekonomi baru yang membebankan.

Pembukaan bandar baru telah menyebabkan kemasukan penduduk luar yang mempunyai latar belakang yang pelbagai dan rata-ratanya terdiri daripada golongan menengah (faktor kemampuan membeli hartanah yang telah melambung naik nilainya). Penduduk kawasan sekitar termasuk penduduk Kampung Sinar Budi Baru kini terpaksa menanggung kesan peningkatan kos sara hidup akibat perubahan corak ekonomi yang semakin kompleks. Kebanyakan daripada mereka masih belum dapat menjadi

peserta yang aktif kerana belum mempunyai keupayaan dan persediaan yang sewajarnya. Keadaan ini akhirnya hanya meletakkan mereka sebagai penonton dan bukannya peserta dalam proses perbandaran yang pesat di kawasan Batu Kawa sekaligus menjadi punca mereka hidup dalam belenggu kemunduran.

Aspek-aspek dan faktor-faktor penyisihan sosial

Penyisihan sosial yang dianalisis dalam kajian ini merujuk kepada penyisihan dari segi penyertaan, ketersampaian dan peluang yang membolehkan setiap individu atau komuniti untuk terlibat secara penuh ke dalam agenda pembangunan dan menikmati faedah pembangunan tersebut. Kajian Hoe & Haris Wahab (2013) yang melihat pengaruh faktor sokongan politik terhadap tahap penglibatan masyarakat dalam program pembasmian kemiskinan di Sarawak mendapati, semakin tinggi sokongan yang diberikan oleh ADUN, pemimpin masyarakat dan agensi kerajaan dalam program pembasmian kemiskinan penduduk, semakin tinggi tahap penglibatan penduduk dalam proses pembuatan keputusan, pelaksanaan dan perkongsian manfaat program. Namun, hal ini bertentangan dengan penemuan kajian ini yang mendapati, meskipun pihak kerajaan telah membuka pintu rundingan bagi menyelesaikan isu hak milik tanah dengan penduduk yang terlibat, namun bilangan yang mengambil peluang menyertai rundingan tersebut masih rendah. Hasil analisis terhadap tahap penglibatan penduduk dalam rundingan berkenaan isu hak milik tanah misalnya mendapati, hanya seramai 39.4 peratus penduduk terlibat dalam rundingan tersebut manakala majoriti sebanyak 45.7 peratus lagi tidak berbuat demikian. Kegagalan merebut peluang yang disediakan menyebabkan masalah mereka berpanjangan dan kajian mendapati, masalah kemunduran yang dialami segelintir penduduk akibat kemelut isu hak milik tanah ini sebahagiannya berpunca daripada sikap penduduk itu sendiri.

Meskipun pihak kerajaan dan badan NGO telah menyediakan banyak program khusus bagi membantu golongan berpendapatan rendah, namun penyisihan masih berlaku masalah dari segi ketersampaian kepada program bantuan dan sokongan berpunca akibat tindakan karenah birokrasi agensi bantuan serta kelemahan pihak autoriti bawahan. Misalnya, pelbagai prosedur terpaksa dipatuhi menyebabkan permohonan bantuan mengambil masa terlalu lama untuk diproses dan diluluskan disamping penyaluran maklumat mengenai bantuan melalui pihak autoriti bawahan iaitu Ketua Kampung, Ketua Kaum mahupun JKKK juga dianggap lemah. Proses pengumpulan maklumat bagi mengemukakan permohonan dari peringkat bawahan untuk disampaikan ke peringkat atasan juga kurang tepat dan bersifat berat sebelah. Hal ini berlaku disebabkan pergantungan kepada sistem pentadbiran autoriti bawahan membolehkan berlakunya campurtangan politik dalam urusan agihan bantuan. Segelintir responden yang ditemubual mendakwa, kebanyakan penduduk yang mampu menyampaikan aduan dan seterusnya diberi bantuan terdiri daripada mereka yang menyokong atau 'sealiran' dengan pihak autoriti bawahan. Campurtangan politik menjejaskan ketelusan penyaluran bantuan kepada golongan yang benar-benar layak. Keadaan sebeginilah yang menyebabkan berlakunya peminggiran kumpulan sasaran sekaligus menyebabkan komuniti kajian terus hidup dalam kemunduran dan merencatkan agenda pembasmian kemiskinan bandar oleh pihak kerajaan.

Skim Perumahan Bantuan Rakyat (SPBR) atau yang dahulunya dikenali sebagai Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) adalah sebahagian daripada dasar kerajaan untuk menyediakan rumah yang berkualiti dan mampu disewa khususnya bagi membantu golongan berpendapatan rendah. Analisis kajian mendapati, wujud masalah penyisihan sosial dari segi penyaluran bantuan SPBR akibat karenah birokrasi di peringkat agensi bantuan (E-kasih, SPNB dan SHDC). Kewujudan pelbagai agensi yang menguruskan pemberian bantuan dalam bentuk yang sama iaitu bantuan perumahan telah menyebabkan wujudnya masalah pertindihan fungsi dan kecaciran pengumpulan maklumat dalam kalangan kumpulan sasaran. Masalah kecaciran seumpama ini menyebabkan berlakunya masalah keterpinggiran segelintir ahli dalam komuniti kajian sekaligus menjadi antara punca mereka tidak mendapat bantuan meskipun mereka sebenarnya layak.

Kesimpulan

Analisis kajian mendapati, masalah penyisihan sosial menjadi antara punca berlakunya kemunduran sosioekonomi dalam kalangan komuniti Bumiputera di kedua-dua kawasan kajian. Dari segi bentuk penyisihan, kajian mendapati kebanyakan berlaku disebabkan oleh tindakan, sikap dan amalan di peringkat individu dan institusi dan bukannya melibatkan penyisihan secara aktif atau pasif melalui pelaksanaan dasar, strategi atau amalan secara langsung oleh pihak kerajaan (peringkat nasional) atau pasaran (peringkat global). Namun begitu, kajian mendapati tidak semua halangan keupayaan berpunca daripada penyisihan sosial semata-mata namun juga berlaku disebabkan oleh penyertaan secara terpaksa komuniti yang dikaji ke dalam suatu keadaan yang berada di luar kawalan mereka. Sepertimana menurut Katiman (2001), perubahan dan penyusunan ruang oleh pihak berkuasa juga memberi kesan ke atas kehidupan penghuni ruang atau sesebuah komuniti. Maka, aspek sosioekonomi seseorang individu atau sesebuah komuniti sangat bergantung kepada kesedaran dan kapasiti sosial individu atau komuniti tersebut untuk menentukan kedudukan mereka dalam ruang yang dihuni. Dalam hal ini, ia merujuk kepada keadaan di mana penduduk di kedua-dua kawasan kajian telah terperangkap dalam kepesatan pembangunan bandar di sekeliling mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa beradaptasi dengan corak sosioekonomi baru dalam keadaan keupayaan untuk beradaptasi terhadap perubahan tersebut tidak menyalah mereka (*disadvantaged-position*).

Selain itu, terdapat faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada berlakunya kemunduran sosioekonomi melibatkan faktor dalaman komuniti itu sendiri. Sebagai contoh, tahap pendidikan yang rendah, status perkahwinan, pemilikan harta yang sedikit, ketiadaan aset bagi tujuan peningkatan produktiviti serta masalah sikap dan pemikiran yang dibelenggu oleh nilai budaya miskin (*culture of poverty*) adalah antara faktor-faktor dalaman yang mencetuskan kemunduran dalam kalangan komuniti Bumiputera di kedua-dua kawasan kajian. Permasalahan melibatkan sikap atau pemikiran yang dibelenggu budaya kemiskinan sebenarnya adalah halangan yang terbesar dalam usaha mengeluarkan sesuatu komuniti dari belenggu kemunduran. Ini kerana penerapan budaya miskin sebagai satu bentuk strategi penyesuaian terhadap kehidupan oleh golongan berpendapatan rendah sudah sebatik dalam diri individu sekaligus menyebabkan timbul kesukaran untuk mereka mengikis personaliti, nilai dan persepsi yang telah dibentuk bertahun-tahun lamanya. Budaya ini seterusnya akan diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain dan oleh sebab itu, mereka seringkali berhadapan dengan kesukaran untuk mengubah cara hidup dan terus berada dalam putaran kemiskinan dan kemunduran.

Sebagai kesimpulan, masalah kemunduran sosioekonomi dalam masyarakat adalah suatu permasalahan yang bersifat sejagat. Ia berlaku dalam pelbagai bentuk dan memerlukan pendekatan yang berbeza bagi mengatasinya. Setiap agenda pembangunan sememangnya memerlukan sedikit pengorbanan namun ia bukanlah alasan untuk membiarkan kelompok tertentu dalam masyarakat terus hidup dalam belenggu kemunduran. Kajian yang dilakukan mendapati, penyisihan sosial merupakan salah satu punca berlakunya kemunduran sosioekonomi dalam kalangan komuniti Bumiputera di Bandaraya Kuching. Selaras dengan konsep pembangunan manusia yang menekankan prinsip perkongsian pembangunan dan kesejahteraan manusia, konsep penyisihan sosial memberi fokus terhadap aspek penyertaan, peluang dan ketersampaian dalam aspek ekonomi, politik dan sosial bagi melihat hubungkaitnya dengan fenomena kemunduran yang dialami komuniti Bumiputera di Bandaraya Kuching. Oleh yang demikian, penekanan terhadap aspek penyisihan sosial diharap akan membantu penyusunan dan penstrukturan semula polisi, strategi dan amalan di pelbagai peringkat (individu, masyarakat dan kerajaan) bagi meningkatkan keupayaan komuniti Bumiputera untuk terlibat secara penuh dalam proses pembangunan sekaligus mengurangkan risiko mereka terus hidup dalam kemunduran sosioekonomi di bandar.

Rujukan

Abdul Halim A (2010) Negara, Pasar dan Modenisasi. *Masyarakat Pesisir Sarawak Barat Daya*. Institut Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaysia Sarawak.

- Du Toit A (2004) Social exclusion discourse and chronic poverty. A South African case study. *Journal of Development and Change* 35(5), 987-1010.
- Geertz C (1963) *Agricultural Involution: The Process of Ecological Change in Indonesia*. University of California Press Ltd., London.
- Gore C (1997) Irreducible social goods and the informational basis of Amartya Sen's capability approach. *Journal of International Development* 9(2), 235-50.
- Gusni S (2005) Urbanisasi dan stratifikasi sosial di kalangan Sama-bajau di Sabah. (PhD Dissertation). Institut Kajian Antarabangsa dan Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim S (2006) From individual to collective capabilities: The capability approach as a conceptual framework for self-help. *Journal of Human Development and Capabilities* 7(3), 397-416.
- Institut Pembangunan Sarawak (2003) *A Socio-Economic Survey of the Urban Poor in Kuching City: Some case studies*. Majlis Pembangunan Urbanisasi dan Sosial Sarawak.
- Hoe KC, Haris W (2013) Sokongan politik dan tahap penglibatan masyarakat dalam program pembasmian kemiskinan di Sarawak. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space* 9(1), 89-97.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2002) *Kualiti Hidup di Bandar*. Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.
- Johari M (1985) Ke Arah Satu Dasar Perbandaran Negara: Satu Pemikiran Awal. In: Sulong M, Rahimah AA (eds). *Perbandaran dan Pembangunan Negara*, pp. 389-396. Kumpulan Kertas Kerja 5, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penerbit UKM, Bangi.
- Julaihi W, Abdul Hadi HS, Junaenah S (2003) *Urbanization and Cultural Resilience. Impacts of housing change in newly-urbanized communities. A case study of Kuching, Sarawak*. Majlis Pembangunan dan Urbanisasi Sarawak.
- Lewis O (1959) *Five families: Mexican case studies in the culture of poverty*. Basic Books.
- Lewis O (1966) *The Culture of Poverty*. Secker & Warburg, London.
- Malaysia (2006) *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.
- Mc Gee TG (1971) *The Urbanisation Process in the Third World*. G. Bell Ltd., London.
- Narayan S, Katiman R (2012) Impak sosial pembangunan bandar baru Putrajaya terhadap penduduk asal. Kes isirumah yang dipindahkan ke Taman Permata, Dengkil, Selangor. *GEOGRAFIA- Malaysian Journal of Society and Space* 8(4), 75-87.
- Nor Aini HI, Ishak Y (2003) Sektor Tidak Formal dan Kemiskinan Bandar. In: Nor Aini HI, Chamhuri S (eds) *Kemiskinan bandar dan sektor tidak formal di Malaysia*, pp. 23-40. Penerbit UKM, Bangi.
- Sen A (2000) *Social Exclusion: Concept, Application and Scrutiny*. Asian Development Bank, Manila.
- Stewart F (2005) Human rights and capabilities. *Journal of Human Development and Capabilities* 6(2), 185-204.
- Unit Perancang Ekonomi (2002) *Laporan Kualiti Hidup Bandar di Malaysia*, pp. 69-106.
- United Nation Population Fund (2007) *Linking Poverty, Population and Development. Urbanization: A majority in cities*. [Cited 2 April 2012]. Available from: <http://www.unfpa.org/pdf/urbanization.htm>.
- Universiti Kebangsaan Malaysia (1997) *Internal Migration Study, Sarawak*. Kerajaan Negeri Sarawak (tidak diterbitkan).